

DILEMA 'PULAU' SEGERA

■ Wanita rugi RM5,000 rumah dilimpahi air longkang akibat banjir



Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my
Shah Alam

“Cukup hanya hujan dalam tempoh dua jam, rumah saya akan menjadi seakan-akan ‘pulau’ kerana dipenuhi air dari longkang berhampiran melimpah disebabkan tiada saluran ke longkang utama.

“Tekanan air melimpah masuk ke rumah menyebabkan pintu utama dan tingkap pecah. Air pula naik setinggi paras paha menyebabkan saya dan anak bertungkus-lumus menyelamatkan barangan berharga daripada musnah,” kata Mazni Jumali, 41.

Mazni yang menetap di Kampung Budiman, di sini, sejak 40 tahun lalu berkata, kejadian banjir yang ber-

laku petang kelmarin menyebabkan beliau tidak senang duduk kerana memikirkan keadaan rumahnya.

Sebelum itu, beliau bersama ahli keluarga yang lain menghadiri kenduri di Meru, Klang namun bergegas balik selepas dimaklumkan rumahnya dinaiki air.

“Saya bergegas pulang kerana mahu menyelamatkan dokumen dan barangan berharga da-

ripada musnah. Setiap kali musim hujan pasti air akan melimpah.

“Apabila memikirkan kembali apa yang kami terpaksa tempuh, sudah pasti ia memenatkan kerana perlu mengangkat pelbagaiengkapan rumah sebelum membersihkannya semula selepas banjir surut sedangkan kebanyakan penduduk sudah berusia,” katanya ketika ditemui Harian Metro, di sini, semalam.


Beliau menganggarkan kerugian lebih RM5,000 kerana membaiki pintu dan tingkap rumahnya yang rosak, selain beberapa peralatan elektrik turut terjejas.

Sementara itu, Ketua Kampung Budiman Bahar Khafadi berkata, antara punca utama banjir berlaku di kampung berkenaan disebabkan saiz saluran keluar air dari kolam takungan untuk ‘dibuang’ ke longkang utama adalah kecil.

“Apabila saluran keluar kecil, ia sudah pasti tidak dapat menurunkan kapasiti air di kolam takungan menyebabkan limpahan di longkang sehingga memasuki rumah penduduk.

“Masalah ini perlu ditangani pihak berwajib seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kerana penduduk sudah tidak tahan menanggung kerugian setiap kali banjir,” katanya.

BAHAR menunjukkan keadaan paras air di parit berhampiran kampungnya.



SALURAN air yang kecil di kawasan tadahan air.



FAKTA
Setiap kali hujan lebat, air dari longkang melimpah

